

KEJURULATIHAN adalah perkara penting untuk memberi bimbingan dan dorongan kepada pelajar sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. - Gambar hiasan



PELAJAR perlu dilatih untuk menjadi insan berkualiti dalam mendepani cabaran tidak menentu ketika ini. - Gambar hiasan

Keberkesanan program kejurulatihan NLP

Sudut Pandang

Oleh **PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN**
Pakar Sosial dan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
Universiti Putra Malaysia



KITA seringkali mendengar pelajar mengeluh apabila ditanya mengenai pencapaian akademik mereka.

Ramai antara mereka memberikan pelbagai alasan untuk mewajarkan keputusan akademik yang kurang cemerlang.

Antara keluhan yang sering didengari ialah subjek itu susah hendak skor, pensyarah kurang jelas dalam memberi huraian dan tidak boleh belajar sebab kawan-kawan selalu ganggu.

Jika diteliti, faktor persekitaran sering didapati menjadi punca kegagalan pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan masing-masing.

Persoalannya, apakah benar punca utama pelajar itu tidak mencapai kecemerlangan akademik disebabkan faktor-faktor itu?

Dalam senario seperti ini, Coaching Neuro-Linguistic Programming (NLP) mampu membantu pelajar yang terlibat untuk mengenal pasti punca sebenar kegagalan mereka mencapai keputusan membanggakan dalam peperiksaan.

Kejurulatihan dengan menggunakan kaedah NLP merupakan program berkemahiran tinggi yang



PROGRAM motivasi mampu merangsang minat pelajar untuk menghadapi situasi pembelajaran dan persediaan menempuh alam pekerjaan. - Gambar hiasan

boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti pengurusan, kepimpinan, sukan, pembelajaran dan keibubapaan.

Kaedah itu mampu membuat perubahan dan mengarah individu untuk mendapatkan apa yang mereka inginkan atau mengatasi cabaran yang dihadapi.

Pada masa sama, kaedah itu mampu membantu individu terlibat lebih memahami kenapa pelajar berkelakuan seperti yang mereka lakukan.

Dalam program kejurulatihan NLP, pelajar terlibat akan dipertemukan dengan seorang jurulatih yang akan membantu mengenal pasti punca sebenar mengapa pelajar tidak mampu mencapai kejayaan cemerlang.

Semasa sesi kejurulatihan sedang berlangsung, pelajar juga akan mengenal pasti kaedah yang boleh dilakukan untuk mencapai kejayaan dalam

akademik masing-masing.

Dalam konteks ini, jurulatih hanyalah memainkan peranan membantu pelajar mengenal pasti punca sebenar mengapa kecemerlangan itu tidak boleh diperolehi.

Keunikan

Jurulatih juga membantu pelajar terlibat mengenal pasti tindakan yang wajar diambil untuk mencapai kecemerlangan akademik yang dikehendaki.

Keunikan dan kekuatan seseorang jurulatih dalam program kejurulatihan NLP ini adalah bertanyakan soalan.

Kekuatan soalan yang ditanya oleh jurulatih akan memberikan gambaran sebenar kepada pelajar bahawa punca mereka tidak mencapai kecemerlangan akademik bukanlah disebabkan oleh faktor luaran tetapi adalah faktor dalaman.

Bagi membolehkan usaha

itu dicapai dengan jayanya, pihak institusi pengajian perlulah mempunyai individu berkelayakan dalam kursus berkenaan.

Tanpa kelayakan setaraf, matlamat untuk membantu pelajar terlibat menyedari punca sebenar mengapa mereka tidak boleh cemerlang mungkin sukar untuk dilaksanakan dengan jayanya.

Justeru, langkah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menggalakkan pensyarah, guru dan pegawai untuk menyertai kursus berkenaan wajar diberikan sokongan serta pujian.

Lebih ramai pensyarah dan pegawai serta individu lain yang mempunyai kemahiran kejurulatihan NLP adalah lebih mudah untuk institusi terlibat khususnya institusi pengajian tinggi melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang sama ada dalam bidang akademik ataupun kokurikulum.

Pepatah Melayu ada menyatakan, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Justeru, untuk mencapai matlamat itu, pensyarah, pegawai dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak perlulah berkorban masa, tenaga dan wang ringgit.

Saya secara peribadi yang menghadiri Program Certified NLP Coach amat yakin dan percaya kaedah Coaching NLP ini mampu melahirkan pelajar cemerlang selaras dengan hasrat KPT iaitu melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan ahlak.